



Covid-19 - Panduan Untuk Pelajar dalam Sektor Pendidikan Bahasa Inggeris dari Jabatan Pendidikan dan Kemahiran

Jika anda datang dari luar negara ke Ireland untuk belajar Bahasa Inggeris di Bahagian Kolej Bahasa Inggeris, sila baca.

Terdapat peningkatan dalam bilangan kes Corona Virus Covid-19 di Ireland. Statistik ini sentiasa berubah setiap hari. Kerajaan ingin memastikan semua pelajar mempunyai maklumat yang mereka perlukan untuk keselamatan mereka.

Lembaran ini memberitahu panduan mengenai:

- **Infomasi kesihatan mengenai Covid-19**
- **Status Kewarganegaraan**
- **Informasi untuk Pekerja dan Bekerja Sendiri**

Maklumat ini dikemas-kini pada 22 Mac 2020. Jika anda baca ini selepas tarikh ini, sila semak education.ie/Covid19 untuk sebarang perubahan.

Infomasi kesihatan mengenai Covid-19

Anda boleh membantu mengekat penyebaran Covid-19.

- Amalkan "penjarakan sosial" - menjarak diri 2 meter dengan orang lain.
Sila rujuk [maklumat dalam bahasa yang lain](#), atau melawati www.education.ie/Covid19
- Jangan berhimpun dan pastikan untuk menjarak diri anda dengan orang lain.
- Dapatkan maklumat terkini dan informasi mengenai Covid-19 dari www.hse.ie atau dari portal rasmi Jabatan Kesihatan Ireland Twitter feeds: @HSELive and @roinnslaite.
- Kekal hubungan dengan bahagian Kolej Bahasa Inggeris. Kolej ini akan memberitahu tentang kursus anda. Anda mungkin boleh meneruskan pekerjaan kolej secara dalam talian.

Anda mungkin ingin balik ke negara asal anda. Tetapi Ini mungkin menjadi semakin sukar kerana syarikat penerbangan telah membatalkan / menyekat penerbangan masuk dan keluar Ireland.

Semua sekolah dan kolej di Ireland telah ditutup mengikut nasihat kesihatan awam. Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh didapati di laman web Jabatan Pendidikan dan Kemahiran www.education.ie/covid19. Kolej anda juga boleh memberikan maklumat berkenaan.

Status Kewarganegaraan

Sekiranya anda mempunyai permit imigresen, sila membuat penyemakan dengan Bahagian Imigresen Department of Justice and Equality's Immigration Service Delivery untuk sebarang informasi dan kemas-kini di sini:
<http://www.inis.gov.ie/en/INIS/Pages/Home>.

Pembaharuan Automatik Permit Imigresen

Jika permit imigresen anda tamat tempoh antara 20 Mac 2020 dan 20 Mei 2020, anda akan diberikan pembaharuan automatik selama tempoh 2 bulan.

Pembaharuan ini adalah atas dasar yang sama dengan permit anda yang sedia ada dan syarat yang sama akan terus digunakan.

Sekiranya ini terhubung kepada anda, kami mencadangkan anda untuk melawat laman web Jabatan Keadilan dan Kesaksamaan di sini::

<http://www.justice.ie/en/JELR/Pages/PR20000037>

Status Mengenai Kehadiran Kuliah

Jika kuliah anda ditutup mengikuti arahan kerajaan mengenai Covid-19, anda akan dianggap memenuhi syarat kehadiran anda untuk tempoh penutupan.

Peraturan yang lain tetap sama.

Informasi untuk Pekerja dan Bekerja Sendiri

Jika anda pernah kerja di Ireland dan telah kehilangan kerja disebabkan oleh pandemik semasa, anda berlayak untuk memohon Pembayaran Pengangguran Pandemik Covid-19 Kerajaan.

Pelajar perlu menyediakan Nombor Peribadi Perkhidmatan Awam (PPSN) untuk memohon untuk pembayaran ini. Bayaran akan dibuat paling panjang sehingga enam minggu pada kadar € 203 seminggu. Maklumat mengenai pembayaran ini dan cara pendaftaran tersedia di sini:

<https://www.gov.ie/en/service/be74d3-covid-19-pandemic-unemployment-payment/>.

Majikan anda juga mungkin guna skim yang berbeza. Ini adalah Skim Bayaran Balik Majikan Covid-19. Ia membenarkan majikan membuat bayaran yang sama dengan bayaran Pengangguran Covid-19 (€ 203) kepada pekerja yang terpaksa dihenti kerja sementara dan tidak menerima bayaran upah dari majikan yang lain.

Dasar Ini dilaksana oleh Pesuruhjaya Pendapatan. Dasar ini membantu untuk mengekalkan hubungan erat antara majikan dan pekerja untuk memastikan proses kembali bekerja lebih mudah. Maklumat lanjut tentang skim ini boleh didapati secara dalam talian di:

<https://www.gov.ie/en/service/6c6582-employer-covid-19-refund-scheme/>

Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi bahagian Kolej Bahasa English

Tamat